

Legenda tarannum al-Quran Mesir

Bicara Qiraat

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

MESIR mempunyai ramai qari terkenal yang memberi sumbangan besar kepada dunia penyebaran ilmu al-Quran. Perintis rakaman al-Quran 30 juzuk iaitu pada tahun 1960 dimulakan oleh Sheikh Mahmud Khalil al-Husari yang berasal dari Mesir.

Generasi al-Quran yang muncul di Mesir adalah kerana persekitaran yang kondusif untuk mempelajari dan mendalami ilmu al-Quran.

Antaranya, kewujudan radio al-Quran yang menyiarkan bacaan al-Quran sepanjang hari, program al-Quran yang banyak seumpama bacaan al-Quran di setiap permulaan majlis, bacaan al-Quran di majlis kematian, kelas al-Quran yang wujud di setiap masjid menjadikan masyarakat mudah mendengar al-Quran.

Selain itu, guru-guru al-Quran yang melata di bumi Mesir dan ibu bapa pula memainkan peranan di mana setiap anak mestilah mendalami bacaan al-Quran dahulu sebelum meneruskan perigajian menjadi faktor berkembangnya ilmu al-Quran di bumi Mesir.

Antara tokoh legenda tarannum al-Quran yang sebaris dengan Sheikh Mahmud Khalil al-Husari, Sheikh Mustafa Ismail, Sheikh Abdul Basit Abdul Samad dan Sheikh Muhammad Sideeq Mirisyawi.

Sheikh Muhammad Sideeq anak kelahiran Mesir pada tahun 1920 itu telah berjaya menghafaz al-Quran dalam usia 11 tahun melalui didikan



SHEIKH MAHMUD KHALIL AL-HUSARI

dua guru iaitu pertama ayahnya sendiri Sheikh Sideeq Minshawi yang merupakan Qari terkenal ketika itu dan Sheikh Muhammad al-Namki.

Apabila ditanya kepada pengkaryanya Ilmu Qiraat terkenal iaitu Sheikh Abdul Fattah al-Qadhi siapakah pelajar beliau yang paling baik, beliau menjawab:

“Sheikh Mahmud Khalil al-Husari dan Sheikh Muhammad Sideeq Minshawi.”

Jalur keluarga Minshawi adalah



SHEIKH MUHAMMAD SIDEQ MINSHAWI

terkenal dengan ramainya mempunyai suara yang merdu dan menjadi qari terkemuka. Antara mereka ialah Sheikh Sideq Minshawi iaitu ayah kepada Sheikh Muhammad Minshawi.

Sheikh Mahmud Sideq Minshawi pula ialah adik kepada Sheikh Muhamaad. Namun yang terbaik di kalangan keluarga Minshawi yang dianggap sebagai anugerah ialah Sheikh Muhammad Sideq.

Jalur keluarga Minshawi terkenal dengan kerana ramai yang mempunyai suara merdu dan menjadi qari terkemuka. Antara mereka ialah Sheikh Sideq Minshawi iaitu ayah kepada Sheikh Muhammad Minshawi.

Sumbangan Sheikh Muhammad Sideq adalah merakam 30 juzuk al-Quran, menjadi qari di Masjid Zamalik selama 15 tahun dan juga menjadi qari di radio al-Quran Mesir.

Selain itu, beliau juga pernah menziarahi Masjid al-Aqsa dan membaca surah al-Hujurat dan surah Qaaf di hadapan khalyayak yang berkumpul ketika itu.

Setiap qari mempunyai kegemaran membaca ayat-ayat tertentu seperti Sheikh Abdul Basit dengan kegemarannya membaca surah al-Duha dan surah Yusuf.

Begitu juga dengan Sheikh Muhammad Sideq yang gemar membaca surah al-Hasyr dan surah Ghafir dengan suara yang menakjubkan.

Takdir Allah menentukan segala-galanya. Usia Sheikh Muhammad Sideq tidak panjang seperti qari yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 1969 dalam usia 49 tahun.